



SIMEN konkrit tempat duduk pengunjung di Taman Selera turut roboh dihanyutkan ombak besar.

Jeti, pondok rehat musnah dipukul ombak

Air pasang besar landa kawasan pantai utara Sarawak menyebabkan taman rekreasi rosak teruk

Oleh Kanda Sidi
kanda@sidi.com.my

MIRI: Air pasang dan ombak besar yang melanda kawasan pantai utara Sarawak tengah malam kelmarin mengakibatkan kerosakan serius jeti dan kemudahan di kawasan rekreasi Taman Selera di sini.

Sebahagian daripada jeti itu roboh, manakala pondok rehat yang dibina untuk pengunjung roboh dengan beberapa binaan konkrit turut rosak, ditimpa pokok besar yang tumbang.

Sebuah jambatan kayu yang dibina bagi kemudahan pengunjung di situ turut musnah.

Pengunjung, Rusdi Mat Rasau, 45, berkata, banyak kemudahan tempat

duduk diperbuat daripada konkrit turut dihanyutkan ombak

“Papan tanda yang dibina di tepi pantai turut dihanyutkan ombak besar,” katanya kepada *Berita Harian* di sini, semalam.

Beliau berkata, sejak air pasang dan ombak besar melanda kawasan utara Sarawak minggu lalu lebih 20 pokok besar di taman itu tumbang.

“Saya bimbang banyak lagi pokok besar akan tumbang dan membahayakan pengunjung. Justeru, kita minta supaya tindakan perlu diambil, termasuk kemungkinan menutup terus kawasan itu buat sementara waktu supaya pengunjung tidak datang ke situ dalam keadaan cuaca sekarang,” katanya.

Sementara itu, jurucakap Majlis

Bandaraya Miri (MBM) berkata, pengunjung dinasihatkan mengelak mendekati kawasan pokok besar di tepi pantai berkenaan.

Katanya, kebanyakan pokok di kawasan tepi pantai berkenaan tidak stabil dan akan tumbang pada bila-bila masa sekiranya cuaca buruk berterusan untuk beberapa hari lagi.